

Food Bank Siswa diperluas ke politeknik

Sintok: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memperluaskan program Food Bank Siswa ke politeknik, institut pendidikan guru dan kolej komuniti seluruh negara mulai tahun hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata program yang mula dilancar Mac lalu, didapati berjaya membantu mahasiswa menangani isu kos sara hidup di universiti.

"Sehingga Julai lalu, lebih 4,000 pelajar di 13 universiti awam seluruh negara sudah mendapat manfaat program Food Bank Siswa.

"Oleh itu, selepas 20 universiti awam selesai menjalankan program ini, kita akan memperluaskannya ke peringkat politeknik, institut pendidikan guru dan kolej komuniti.

"Bagi perancangan itu, kami anggarkan sejumlah 123 institusi akan mempunyai program sama mulai tahun hadapan," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Food Bank Siswa Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, semalam.

Pelancaran program itu disem-

purnakan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah. Yang turut hadir Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Basahawir Abdul Ghani.

Pada majlis berkenaan seramai 300 pelajar UUM menerima bantuan di bawah program itu dalam usaha mengurangkan bebanan mereka dalam mendapatkan makanan sehari-hari untuk mereka.

Saifuddin berkata, program Food Bank Siswa adalah kesinambungan program Food Bank Malaysia yang dilancar pada Ogos tahun lalu, khusus bagi golongan berpendapatan rendah B40.

"Kita berjaya menambah keperluan logistik program ini dengan penggunaan 14 trak yang dilengkapi penyejuk 'chiller' untuk digerakkan ke kawasan sasaran program.

"Ini adalah satu nilai tambah kepada program dan melancarkan perjalanan ketika membawa barang makanan yang cepat rosak atau terbuang seperti sayur dan lain-lain lagi.

"Inisiatif yang dilakukan ini juga hasil kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) setiap universiti selain pihak industri yang prihatin dan sudi menyumbangkan bahan makanan," katanya.



Sultan Sallehuddin bersama Saifuddin melihat produk makanan ketika melawat ruang pameran selepas majlis Pelancaran Food Bank Siswa UUM di Sintok, semalam.



BH TV

(Foto Amran Hamid /BH)

Selain UUM, universiti awam lain yang sudah melaksanakan program ini adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, Kampus Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti

Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, UTM Kuala Lumpur, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).